

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (02)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 2 TAHUN 2020**

**KEANGGOTAAN JAWATANKUASA SEBUT HARGA
UNIVERSITI (JKSU)**

Pejabat Bendahari

24 Januari 2020

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (02)

29 JANUARI 2020

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2020 **KEANGGOTAAN JAWATANKUASA SEBUT HARGA UNIVERSITI** **(JKSU)**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf mengenai Keanggotaan Jawatankuasa Sebut Harga Universiti (JKSU).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Menurut Pekeliling Perbendaharaan WP 7.5 mengenai Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) menyatakan bahawa keanggotaan JKSH adalah dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- 2.2 Keanggotaan Jawatankuasa Sebut Harga Universiti (JKSU) ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 04/2019 (Kali Ke-51) yang telah bersidang pada 08 November 2019 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 04/2019 (Kali Ke-51) yang telah bersidang pada 14 November 2019.

3.0 SYARAT-SYARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA

- 3.1 MOF juga melalui Pekeliling Perbendaharaan W.P 7.5 mengenai Peraturan Perolehan BBP telah menetapkan syarat-syarat lain Lembaga Perolehan seperti berikut:

- a. Pemakaian Gelaran Jawatankuasa Sebut Harga
Boleh menggunakan gelaran Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) atau apa-apa gelaran yang bersesuaian.
- b. Keanggotaan JKSH
Keanggotaan JKSH dilantik oleh Lembaga Pengarah masing-masing dengan mengambil kira syarat berikut:
 - i. Pengerusi dan Pengerusi Ganti JKSH hendaklah merupakan pegawai BBP;
 - ii. Pengerusi dan Pengerusi Ganti JKSH bukan merupakan Pengerusi LP atau Pengerusi Lembaga Pengarah BBP berkenaan;
 - iii. Ahli JKSH boleh dilantik dalam kalangan pegawai BBP;
 - iv. Wakil daripada Jabatan Teknik dalaman BBP/JKR Malaysia/JPS Malaysia boleh dilantik sebagai ahli JKSH sekiranya kepakaran teknikal diperlukan; dan
 - v. Kuorum mesyuarat adalah tiga (3) orang iaitu Pengerusi dan dua (2) ahli JKSH yang telah dilantik.

3.2 Keputusan JKSH hendaklah sebulat suara dan adalah muktamad.

4.0 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA SEBUT HARGA BAHARU

4.1 Jawatankuasa Sebut Harga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang baharu adalah disatukan dengan menggunakan gelaran Jawatankuasa Sebut Harga Universiti (JKSU) memandangkan keanggotaan JKSU 'A' dan JKSU 'B' yang sedang berkuatkuasa adalah sama.

4.2 Keanggotaan JKSU adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

NAMA JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Bendahari
Pengerusi Ganti	Mana-mana ahli yang dilantik oleh Pengerusi
Ahli	<ul style="list-style-type: none"> • Pendaftar • Pengarah, Pejabat Pembangunan & Pengurusan Infrastruktur • Pengarah, Pusat Komputeran & Informatik • Wakil Dekan • Wakil Timbalan Dekan • Wakil Pengarah Pusat/Institut/Bahagian • Wakil Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional
Kourum	Kourum minima untuk JKSU bersidang adalah tiga (3) orang.

Jadual 1 : Keanggotaan JKSU

5.0 HAD NILAI KUASA MELULUS

5.1 Had nilai kuasa melulus bagi JKSU bagi perolehan yang melibatkan sumber Kerajaan Persekutuan atau sumber dalaman adalah sebagaimana Jadual 2 berikut:

SUMBER/HAD NILAI	SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA	SUMBER DALAMAN SEPENUHNYA
Melebihi RM20 ribu hingga RM500 ribu	JKSU	

Jadual 2 : Had Nilai Kuasa Melulus

6.0 ELAUN MENGHADIRI MESYUARAT BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA

6.1 Menurut Pekeliling Perbendaharaan, WP 7.3 mengenai Bayaran Elaun Dan Kemudahan Kepada Ahli Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh Kementerian/Jabatan menetapkan bahawa kadar Elaun Menghadiri Mesyuarat (EMM) bagi Jawatankuasa Kerja adalah sebanyak RM150.00 sekali mesyuarat.

6.2 Sehubungan itu, Pekeliling Perbendaharaan WP 7.3 mengenai kadar EMM sebagaimana di atas turut dipanjangkan kepada wakil Pegawai Awam daripada Agensi Lain dalam JKSU adalah sebanyak RM150.00 sekali mesyuarat.

7.0 PEMAKAIAN

7.1 Surat pekeling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor